



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***USLŪB BADĪ' BERKAITAN DENGAN DISIPLIN ILMU DALAM
MAQĀMĀT IMAM AL-SUYŪṬĪY***

MOHAMAD FAISAL BIN KAMIS

FBMK 2021 5



***USLŪB BADĪ' BERKAITAN DENGAN DISIPLIN ILMU DALAM
MAQĀMĀT IMAM AL-SUYŪṬĪY***

Oleh

MOHAMAD FAISAL BIN KAMIS

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2020

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

***USLŪB BADĪ'* BERKAITAN DENGAN DISIPLIN ILMU DALAM
*MAQĀMĀT IMAM AL-SUYŪṬĪY***

Oleh

MOHAMAD FAISAL BIN KAMIS

Oktober 2020

Pengerusi : Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Uslūb badī' merupakan salah satu bentuk gaya bahasa Arab yang digunakan oleh ramai karyawan sastera untuk mengindahkan lafaz dan makna sesuatu ujaran teks. *Uslūb* ini banyak digunakan oleh sasterawan Arab dalam karya syair dan prosa mereka. Tinjauan persuratan menunjukkan bahawa *uslūb badī'* sering mencetuskan kesukaran untuk difahami kerana ia mengandungi makna yang perlu dianalisis secara konteks dan *co-text*. Selain itu, kajian lampau juga mendapati bahawa para sarjana sering menggunakan gaya bahasa bukan sastera dalam melontarkan idea mereka berkaitan dengan disiplin ilmu. Penggunaan gaya bahasa sastera seperti *uslūb badī'* dalam mengetengahkan disiplin ilmu tidak mampu difahami oleh pembaca sekiranya tidak dianalisis dengan betul dan tepat. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti *uslūb badī'* berkaitan dengan disiplin ilmu yang terdapat dalam *Maqāmāt Imam al-Suyūṭiy* (MIS), menganalisis makna konteks dan *co-text* dalam *uslūb badī'* yang terdapat dalam MIS dalam aspek penyampaian disiplin ilmu serta merumuskan tema disiplin ilmu melalui penggunaan *uslūb badī'* yang terdapat dalam MIS. Bagi mencapai objektif kajian yang telah digariskan, pendekatan ilmu *badī'* oleh al-Maydāniy (1996) dan teori *Nazm* oleh al-Jurjāniy (1994) dijadikan sebagai kerangka konseptual kajian. Kajian ini menggunakan metode kualitatif deskriptif yang menumpukan sepenuhnya pada kaedah analisis kandungan teks. Sebanyak 19 sampel data yang mengandungi *uslūb badī'* berkaitan dengan disiplin ilmu telah dipilih dan dianalisis secara rinci. Dapatan kajian mengenal pasti 17 bentuk *uslūb badī'* dalam MIS yang berkaitan dengan disiplin ilmu, iaitu 7 bentuk daripada *Muḥassināt Jamāliyyah Lafẓiyyah* (MJL) dan 10 bentuk daripada *Muḥassināt Jamāliyyah Ma'nawiyyah* (MJM). Analisis makna konteks dan *co-text* menemukan enam konteks utama yang menjadi latar kepada kesemua *uslūb badī'* yang dijadikan sebagai sampel kajian. Konteks-konteks tersebut ialah pembahagian hadis Nabi SAW, politik, kekuasaan Allah SWT, perubatan, akhlak serta syurga dan neraka. Di samping itu, hasil analisis makna konteks dan *co-text* juga mendapati tujuh jenis partikel digunakan oleh pengarang MIS bagi

mengukuhkan makna 19 *uslūb badī'* yang dijadikan sebagai sampel data. Dapatan kajian turut menemukan bahawa 17 bentuk *uslūb badī'* yang digunakan oleh pengarang MIS mempunyai 14 peranan dalam mempersembahkan nilai estetik makna dan lafaz kepada khalayak pembaca. Kesemua *uslūb badī'* ini diaplikasikan untuk mengetengahkan lima tema disiplin ilmu utama, iaitu '*ulūm al-ḥadīth*, akidah, tasawuf, sejarah Islam dan kesihatan. Selain itu, hasil rumusan turut mendapati bahawa pengarang MIS menampilkan gaya bahasa yang bersifat imaginatif dan figuratif dalam mengetengahkan disiplin ilmu kepada khalayak pembaca seperti teknik perlambangan dan dialog. Kesimpulannya, kajian ini menjelaskan bahawa *uslūb badī'* perlu difahami secara holistik merangkumi makna konteks dan *co-text* disebabkan wujudnya elemen-elemen sastera yang mempunyai makna tersirat khususnya dalam aspek penyampaian disiplin ilmu dalam MIS. Secara umumnya, para pengkaji karya sastera perlu memberikan lebih perhatian terhadap isu ini bagi mendapatkan kefahaman yang tepat apabila berhadapan dengan teks-teks sastera yang lain.

Kata kunci: *Uslūb Badī'*, Disiplin Ilmu, *Maqāmāt Imam al-Suyūṭiy*

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

***USLŪB BADI' RELATED TO KNOWLEDGE DISCIPLINARIES IN
MAQĀMĀT IMAM AL-SUYŪṬIY***

By

MOHAMAD FAISAL BIN KAMIS

October 2020

Chairman : Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubuk, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Uslūb badī' is one of the forms of Arabic style used by many literary authors to embellish the words and meanings of a text. This *uslūb* is widely used by Arabic writers in their poetry and prose works. Literature review show that *uslūb badī'* often causes difficulties in understanding because it contains meanings that need to be analysed in context and co-text. In addition, past studies have also found that scholars often use non-literary language styles in presenting their ideas related to the discipline of knowledge. The use of literary language styles such as *uslūb badī'* in highlighting the discipline of knowledge cannot be understood by the reader if it is not analysed correctly and accurately. As a result, this study was conducted to identify *uslūb badī'* related to the discipline of knowledge found in *Maqāmāt Imam al-Suyūṭiy* (MIS), analyse the meaning of context and co-text in *uslūb badī'* found in MIS in terms of delivery of knowledge discipline, and formulate the theme of the discipline of knowledge through the use of *uslūb badī'* found in MIS. In order to achieve the objectives of the study that have been outlined, the approach of *badī'* knowledge by al-Maydāniy (1996) and *Naẓm* theory by al-Jurjāniy (1994) is used as the conceptual framework of the study. This study uses a descriptive qualitative method that focuses entirely on the text content analysis method. A total of 19 data samples containing *uslūb badī'* related to the discipline of knowledge were selected and analysed in detail. The findings of the study identified 17 forms of *uslūb badī'* in MIS related to the discipline of knowledge, namely 7 forms from *Muḥassināt Jamāliyyah Lafẓiyyah* (MJL) and 10 forms from *Muḥassināt Jamāliyyah Ma'nawiyah* (MJM). Analysis of the meaning of context and co-text found six main contexts that form the basis of all *uslūb badī'* which were used as the study sample. These contexts are the division of the hadith of the Prophet SAW, politics, the power of Allah SWT, medicine, morals as well as heaven and hell. In addition, the results of contextual meaning analysis and co-text also found that seven types of particles were used by MIS authors to strengthen the meaning of 19 *uslūb badī'* that were used as data samples. The findings of the study also discovered that the 17 forms of *uslūb*

badī' used by the authors of MIS have 14 roles in presenting the aesthetic values of meaning and pronunciation to the audience. All *these uslūb badī'* are applied to highlight the five themes of the major disciplines, namely *'ulūm al-ḥadīth*, akidah, sufism, Islamic history and health. In addition, the results of the summary also discovered that the authors of MIS feature imaginative and figurative language style in highlighting the discipline of knowledge to the audience such as symbolism techniques and dialogue. In conclusion, this study explains that *uslūb badī'* needs to be understood holistically including the meaning of context and co-text in light of the existence of literary elements that have implicit meaning especially in the aspect of delivery of knowledge discipline in MIS. Generally, researchers of literary works need to pay more attention to this issue to gain an accurate understanding when dealing with other literary texts.

Keywords: *Uslūb Badī'*, Disciplines of Knowledges, *Maqāmāt Imam al-Suyūṭiy*

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat-Nya kerana dengan taufik dan hidayah-Nya, akhirnya saya berjaya menyiapkan penulisan tesis yang bertajuk “*Uslūb Badī*’ Berkaitan dengan Disiplin Ilmu dalam *Maqāmāt Imam al-Suyūṭiy*”. Selawat dan salam diucapkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, pembawa rahmat ke seluruh alam dan juga ahli keluarga, para sahabat dan pengikut baginda SAW sehingga hari akhirat.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada jawatankuasa penyeliaan tesis saya yang diterajui oleh Dr. Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok dan dianggotai oleh Dr. Nik Farhan binti Mustafa serta Dr. Wan Muhammad bin Wan Sulong. Barisan penyelia tesis saya merupakan pendidik yang sangat kompeten, berdedikasi dan profesional dalam membimbing dan memotivasikan saya sehingga saya berjaya mengharungi segala cabaran yang ditempuhi sepanjang penulisan tesis ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak penaja, iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia yang memberikan peluang kepada saya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah. Begitu juga kepada seluruh warga perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang membantu saya memperoleh bahan-bahan kajian yang diperlukan.

Sekalung doa yang tulus ikhlas dan murni saya khususkan buat almarhum ayahanda **Kamis bin Mat Jam** dan bonda saya, **Romlah binti Sulaiman** yang telah membesarkan dan memberi saya pendidikan yang terbaik dalam kehidupan ini. Meskipun ayahanda dan bonda tidak sempat menyaksikan detik-detik kegembiraan ini, sokongan dan rangsangan serta azimat pesanan yang senantiasa ditiupkan ayahanda dan bonda berdua agar anakanda cekal dan tabah meniti segala ujian dan cabaran banyak membantu anakanda dalam menyelesaikan pengajian Ph.D. yang sangat bermakna ini. Al-Fatihah dan setulus doa daripada lubuk hati anakanda buat ayahanda dan bonda berdua. Semoga ayahanda dan bonda berdua sentiasa diampuni dan dirahmati Allah SWT.

Jutaan penghargaan dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih saya rakamkan untuk isteri tercinta, **Hanis Fadhilah binti Supian** yang sentiasa menjadi tulang belakang, pendorong, peniup semangat dan penyokong kuat saya sehingga kajian ini dapat direalisasikan. Buat anakanda yang dikasihi, **Wardatul Ahlaa, Zahratul Marwa, Nauratul Syifa, Nasif Ulwan** dan **Taqiy Affan**, ayahanda dedikasikan perjalanan akademik ayahanda ini sebagai pembakar semangat anakanda semua untuk terus cemerlang di dunia dan akhirat. Kepada seluruh ahli keluarga yang lain, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih atas segala jasa, doa dan dorongan yang telah diberikan.

Sekalung penghargaan juga saya tujukan kepada semua sahabat, rakan taulan dan pihak yang telah memberikan sumbangan dalam menyiapkan kajian ini. Senarai nama yang panjang pastinya tidak dapat dizahirkan satu per satu di sini. Sesungguhnya kalian semua merupakan sahabat dan teman terbaik yang pernah ada dalam hidup saya, sentiasa menyokong dan memberikan nasihat pada saat saya memerlukannya.

Sesungguhnya, hanya Allah SWT yang mampu membalas jasa dan memberikan sebaik-baik ganjaran kepada anda semua. Akhir kata, saya berharap agar kajian ini memberikan manfaat kepada semua, khususnya pengkaji dan pelajar Balaghah dan kesusasteraan Arab, dan meraih pengiktirafan oleh Allah SWT sebagai sebahagian daripada amalan kebajikan saya. Sekian, salam hormat dan terima kasih yang setulusnya.

MOHAMAD FAISAL BIN KAMIS
Seremban, Disember 2020

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nik Farhan Mustapha, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Wan Muhammad Wan Sulong, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Februari 2021

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Mohamad Faisal Bin Kamis, GS46965

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Nik Farhan Mustapha

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Wan Muhammad Wan Sulong

ISI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI TRANSLITERASI	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix

BAB

1	Pengenalan	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Batasan Kajian	9
1.8	Definisi Operasional	10
1.8.1	<i>Badī'</i>	10
1.8.2	<i>Uslūb</i>	10
1.8.3	Disiplin Ilmu	10
1.8.4	<i>Maqāmāt Imam al-Suyūṭiy (MIS)</i>	11
1.8.5	Latar <i>Maqāmāt</i>	11
1.8.6	Makna Konteks	11
1.8.7	Makna <i>Co-Text</i> (Teks Iringan)	11
1.9	Kesimpulan	12
2	Sorotan Literatur	13
2.1	Pendahuluan	13
2.2	<i>Badī'</i> dan Sejarah Perkembangannya	14
2.2.1	Perbahasan Ilmu <i>Badī'</i>	17
2.2.2	Kajian ke atas <i>Badī'</i>	18
2.2.2.1	Kajian <i>Badī'</i> yang Memberikan Kesan terhadap Emosi	19
2.2.2.2	Kajian <i>Badī'</i> yang Memberikan Kesan terhadap Lafaz dan Makna	20
2.2.2.3	Kajian <i>Badī'</i> yang Memberikan Kesan terhadap Pembinaan Jalan Cerita	22
2.3	Kajian ke atas Disiplin Ilmu	23
2.3.1	Disiplin Ilmu dalam Epistemologi Islam	23

2.3.2	Disiplin Ilmu dalam Teks Kudus	24
2.3.3	Disiplin Ilmu dalam Karya Sastra	26
2.4	Seni <i>Maqāmāt</i> Arab	27
2.4.1	Sejarah dan Perkembangan <i>Maqāmāt</i> Arab	29
2.4.2	<i>Maqāmāt</i> Imam al-Suyūṭiy (MIS)	31
2.4.3	Biografi Ringkas Imam al-Suyūṭiy	32
2.4.4	Kajian ke atas Karya MIS	34
2.4.4.1	Sahsiah Imam al-Suyūṭiy dalam MIS	34
2.4.4.2	Dialog, Perdebatan dan Pidato dalam MIS	35
2.4.4.3	Budaya Masyarakat dalam MIS	37
2.5	Jurang Kajian	37
2.6	Kesimpulan	40
3	METODOLOGI KAJIAN	43
3.1	Pendahuluan	43
3.2	Reka Bentuk Kajian	43
3.2.1	Bahan Kajian	45
3.3	Kerangka Teori	45
3.3.1	Teori <i>Nazm</i>	46
3.3.2	Takrif <i>Nazm</i>	47
3.3.3	Hubungan Makna dengan Lafaz	48
3.3.4	Peranan Konteks terhadap Makna	49
3.3.5	Fungsi Nahu dalam Pembentukan Makna <i>Co-Text</i>	51
3.4	Pendekatan <i>Badī'</i> oleh al-Maydāniy (1996)	52
3.5	Pemilihan, Pengekodan dan Pensampelan Data	53
3.6	Penganalisan Data	60
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	62
3.8	Kerangka Konseptual Kajian	64
3.9	Kesimpulan	65
4	ANALISIS DAN PERBINCANGAN DATA	66
4.1	Pendahuluan	66
4.2	Analisis 1: Analisis Mengenal Pasti <i>Uslūb Badī'</i>	66
4.2.1	<i>Jinās</i>	66
4.2.1.1	<i>Jinās Tām</i>	66
4.2.1.2	<i>Jinās Ghayru Tām</i>	68
4.2.2	<i>Iqtibās</i>	69
4.2.2.1	<i>Iqtibās Thābitu al-Ma'na</i>	70
4.2.3	<i>Muwāzanah</i>	71
4.2.4	<i>Raddu al-'Ajz 'Ala al-Ṣadr</i>	72
4.2.5	<i>Luzūm Ma La Yulzam</i>	73
4.2.6	<i>Insijām</i>	74
4.2.7	<i>Ṭibāq</i>	75
4.2.8	<i>Muqābalah</i>	77
4.2.9	<i>Tawriyah</i>	78
4.2.10	<i>Mubālaghah</i>	81
4.2.11	<i>Jam'</i>	82

4.2.12	<i>Taq̣sīm</i>	83
4.2.13	<i>Murā'ātu al-Nazīr</i>	84
4.2.14	<i>Iltifāt</i>	85
4.2.15	<i>Barā'atu al-Istihlāl</i>	85
4.3	Analisis 2: Analisis Makna Konteks dan <i>Co-Text</i> dalam <i>Uslūb Badī'</i> dalam Aspek Penyampaian Ilmu	88
4.3.1	Konteks Pembahagian Hadis	89
4.3.1.1	<i>Jinās Tām Mumāthil</i>	89
4.3.1.2	<i>Taq̣sīm</i>	92
4.3.2	Konteks Politik	95
4.3.2.1	<i>Jinās Muḍāri'</i> (<i>Ghayru Tām</i>)	95
4.3.2.2	<i>Tawriyah Murashshahāḥ</i>	97
4.3.2.3	<i>Iltifāt</i>	100
4.3.3	Konteks Kekuasaan Allah	102
4.3.3.1	<i>Iqtibās Thābitu al-Ma'na</i>	102
4.3.3.2	<i>Insijām</i>	105
4.3.3.3	<i>Barā'atu al-Istihlāl</i> (1)	107
4.3.4	Konteks Perubatan	111
4.3.4.1	<i>Muwāzanah</i>	111
4.3.4.2	<i>Luzūm Ma Lā Yulzam</i>	113
4.3.4.3	<i>Muqābalah</i>	116
4.3.4.4	<i>Jam'</i>	119
4.3.4.5	<i>Murā'atu al-Nazīr</i>	122
4.3.5	Konteks Akhlak	125
4.3.5.1	<i>Ṭibāq Ijābiy</i> (1)	125
4.3.5.2	<i>Ṭibāq Ijābiy</i> (2)	128
4.3.5.3	<i>Barā'atu al-Istihlāl</i> (2)	130
4.3.6	Konteks Syurga dan Neraka	133
4.3.6.1	<i>Tawriyah Mubayyanah</i>	133
4.3.6.2	<i>Mubālaghah Ighrāq</i>	136
4.3.6.3	<i>Raddu al-'Ajz 'Ala al-Ṣadr</i>	139
4.4	Analisis 3: Analisis Tema Disiplin Ilmu melalui Penggunaan <i>Uslūb Badī'</i> dalam MIS	141
4.4.1	Ilmu ' <i>Ulūm al-Hadīth</i>	142
4.4.2	Ilmu Akidah	143
4.4.2.1	Beriman kepada Sifat Allah	144
4.4.2.2	Beriman kepada Alam Akhirat	146
4.4.3	Ilmu Tasawuf	148
4.4.3.1	Sifat <i>Maḥmūdah</i>	148
4.4.3.2	Sifat <i>Mazmūmah</i>	149
4.4.4	Ilmu Sejarah Islam	151
4.4.4.1	Perebutan Kuasa	151
4.4.4.2	Pelantikan Sultan	152
4.4.5	Ilmu Kesihatan	153
4.4.5.1	Khasiat Buah-buahan kepada Kesihatan	153
4.4.5.2	Khasiat Kekacang kepada Kesihatan	154
4.4.5.3	Khasiat Kasturi dan Bunga Mawar kepada Kesihatan	155

4.5	Kesimpulan	156
5	RUMUSAN DAN PENUTUP	158
5.1	Pendahuluan	158
5.2	Rumusan Berdasarkan Objektif	158
5.2.1	Rumusan Objektif 1: Analisis Mengenal Pasti <i>Uslūb Badī'</i> dalam MIS	158
5.2.2	Rumusan Objektif 2: Analisis Makna Konteks dan <i>Co-Text</i> dalam <i>Uslūb Badī'</i> dalam Aspek Penyampaian Ilmu	159
5.2.3	Rumusan Objektif 3: Analisis Tema Disiplin Ilmu melalui Penggunaan <i>Uslub Badī'</i> yang terdapat dalam MIS	162
5.3	Dapatan Sisipan	163
5.4	Implikasi	166
5.4.1	Implikasi dari Aspek Teori	166
5.4.2	Implikasi terhadap Ilmu <i>Badī'</i>	168
5.5	Cadangan	168
5.6	Penutup	169
	BIBLIOGRAFI	170
	BIODATA PELAJAR	181
	SENARAI PENERBITAN	182

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 Pembahagian <i>uslūb badī'</i> oleh al-Maydāniy (1996)	18
3.1 Sistem pengekodan dalam penganalisan data kajian	54
3.2 Judul <i>maqāmāt</i> dalam MIS	54
3.3 Sampel data yang dipilih untuk dianalisis dalam MIS	59
4.1 Jenis-jenis <i>uslūb badī'</i>	88
5.1 Jenis partikel yang digunakan dalam <i>uslūb badī'</i>	161
5.2 Peranan <i>uslūb badī'</i> berdasarkan analisis makna konteks dan <i>co-text</i>	162

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
3.1 Carta alir proses pemilihan dan pensampelan data kajian	58
3.2 Carta alir proses penganalisan data	62
4.1 Pengklasifikasian <i>Jinās Tām Mumāthil</i>	68
4.2 Pengklasifikasian <i>Jinās Ghayru Tām Muḍāri'</i>	69
4.3 Pengklasifikasian <i>Iqtibās Thābitu al-Ma'na</i>	71
4.4 Pengklasifikasian <i>Ṭibāq Ijābiy</i>	76
4.5 Pengklasifikasian <i>Ṭibāq Ijābiy</i>	77
4.6 Pengklasifikasian <i>Ṭawriyah Mubayyanah</i>	79
4.7 Pengklasifikasian <i>Ṭawriyah Murashshahah</i>	81
4.8 Pengklasifikasian <i>Mubālaghah Ighrāq</i>	82
4.9 Enam Kategori Konteks Penggunaan <i>Uslūb Badī'</i> dalam Aspek Penyampaian Ilmu	89
4.10 <i>Jinas Tām Mumāthil</i> Membentuk Keserasian Bunyi Dan Makna	90
4.11 <i>Taqṣīm</i> Membentuk Perincian Makna	93
4.12 <i>Jinās Muḍāri'</i> membentuk Keserasian Bunyi dan Lafaz	96
4.13 <i>Tawriyah Murashshahah</i> Membentuk Keindahan Makna	98
4.14 <i>Iltifāt</i> Digunakan Untuk Mengalih Perhatian Kepada Makna	101
4.15 <i>Iqtibās Thābitu al-Ma'na</i> Memperkuat dan Memperkukuh Makna	103
4.16 <i>Insijām</i> Membentuk Keindahan Makna Pada Susunan Lafaz	106
4.17 <i>Barā'atu al-Istihlāl</i> Menarik Perhatian Kepada Isi Kandungan	108
4.18 <i>Muwāzanah</i> Membentuk Keserasian Makna dan Lafaz	111
4.19 <i>Luzūm Ma Lā Yulzam</i> Membentuk Keserasian Bunyi dan Lafaz	114
4.20 <i>Muqābalah</i> Membentuk Keserasian Makna Berlawanan	116
4.21 <i>Jam'</i> Menghimpun Makna Dalam Satu Hukum	119

4.22	<i>Murā'atu al-Nazīr</i> Memelihara Makna Berkaitan	122
4.23	<i>Tībāq Iījābiy</i> Membentuk Keserasian Makna Berlawanan	126
4.24	<i>Tībāq Iījābiy</i> Membentuk Keserasian Makna Berlawanan	129
4.25	<i>Barā'atu al-istihlāl</i> Menarik Perhatian Kepada Isi Kandungan	131
4.26	<i>Tawriyah Mubayyanah</i> Membentuk Keindahan Makna	134
4.27	<i>Mubālaghah Ighrāq</i> Menyatakan Kepentingan Makna	137
4.28	<i>Raddu al-'Ajz 'Ala al-Ṣadr</i> Membentuk Penegasan Makna	139
4.29	Rumusan tema disiplin ilmu dalam MIS	142
4.30	Tema ilmu akidah yang diketengahkan dalam MIS	143

SENARAI TRANSLITERASI

A. Konsonan:

Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	s
ض	d

Huruf Arab	Huruf Rumi
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	ʿ
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
هـ	h
ء	ʾ
و	w
ي	y
ة	ah*

- Ditransliterasikan sebagai 'at' dalam konteks gabungan dua perkataan.

A. Vokal

Pendek		Panjang		Diftong	
ا	a	ا	ā	اي	ay
و	i	و	ī	او	aw
ي	u	ي	ū		

SENARAI SINGKATAN

MIS	<i>Maqāmāt Imam al-Suyūṭiy</i>
MJL	<i>Muḥassināt Jamāliyyah Lafziyyah</i>
MJM	<i>Muḥassināt Jamāliyyah Ma'nawiyyah</i>
MF	<i>Maqāmah Fustuqiyyah</i>
MT	<i>Maqāmah Tuffāḥiyyah</i>
MY	<i>Maqāmah Yāqūtiyyah</i>
MW	<i>Maqāmah Wardiyyah</i>
MM	<i>Maqāmah Miskiyyah</i>
D1	Data Pertama
P1	Perenggan Pertama
B1	Baris Pertama
SAW	Ṣallā Allah °Alayhi wa Sallama
SWT	Subḥānahu wa Ta'ālā
Ph.D.	Doktor Falsafah



© COPYRIGHT UPM

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sejarah kesusasteraan Arab yang bermula pada zaman Jahiliah sehinggalah zaman kini telah menyaksikan pelbagai karya sastera dihasilkan sama ada melalui lisan ataupun tulisan. Umumnya, sastera Arab telah berkembang pesat khususnya apabila kitab al-Quran diturunkan dan berlakunya peluasan wilayah pada zaman sahabat, *tābi'īn* dan *atbā' al-tābi'īn*. Osman Haji Khalid (1999), menyebut bahawa kesusasteraan Arab telah menjangkau tempoh masa yang lama namun tidak melebihi 2000 tahun.

Al-Rāfi'iy (1968), menyatakan bahawa selepas penurunan al-Quran, beberapa konsep ilmu mula dibincangkan dengan lebih mendalam khususnya sewaktu ketamadunan Islam mencapai zaman kemuncaknya, iaitu pada zaman kerajaan Abbasiyah (750-1258M). Antara ilmu yang dibahaskan oleh sarjana dan cendekiawan Arab selepas turunnya al-Quran al-Karīm termasuklah ilmu nahu, *şorf*, *balāghah*, tafsir al-Quran, tajwid, akidah, fikah dan lain-lain lagi. Kewujudan ilmu-ilmu ini menjadi titik tolak kepada penghasilan karya sastera yang bermutu tinggi seperti *risālah*, *khiṭābah*, *ihtijāj* pada zaman permulaan Islam dan karya penulisan yang lebih bervariasi terutamanya pada zaman kerajaan Abbasiyah seperti *riwāyāt*, *qiṣṣah*, *sirah zātiyah* dan *maqāmāt* ('Abbās, 1990).

1.2 Latar Belakang Kajian

Seni Sastera Arab yang berkembang pesat sejak kemunculan Islam menjadi pemangkin kepada penghasilan berbagai-bagai bentuk penulisan kreatif seperti syair dan prosa. Kemunculan genre sastera berbentuk prosa seperti *risālah*, *riwāyah*, *khiṭābah*, *maqāmāt* dan lain-lain lagi memberikan dimensi baharu kepada para sarjana Arab dan Barat untuk mengkaji secara rinci perkaitan antara fungsi bahasa dengan mesej yang ingin disampaikan. Bahasa merupakan sesuatu yang penting dalam bidang kesusasteraan. Malahan bahasa telah lama dianggap sebagai salah satu wacana utama dalam karya sastera (Mohammad Fadzeli Jaafar, 2017).

Menerusi penulisan sastera, pengarang secara bijak dan kreatif membina ayat yang indah untuk disesuaikan dengan naratif penceritaannya. Pengarang akan menggunakan pelbagai gaya bahasa atau *uṣlūb* untuk mengetengahkan apa-apa yang ada dalam mindanya kepada khalayak masyarakat. Gaya bahasa yang digunakan meliputi pelbagai bentuk seperti metafora, hiperbola, simile, personifikasi, rima dan lain-lain lagi. Hal yang demikian termasuklah bahasa Arab yang turut menjadikan karya sastera sebagai wasilah untuk menyampaikan sesuatu mesej dan idea secara kreatif dan kritis (Ḥusayn, 2005).

Sastera dalam bahasa Arab mempunyai kaitan rapat dengan ilmu *balāghah*. Ilmu *balāghah* berperanan dalam mengkaji keindahan dan keelokan ungkapan kata-kata atau gaya bahasa. Penekanan terhadap keserasian lafaz yang diungkapkan dengan konteks dan persekitaran juga dititikberatkan dalam perbincangan ilmu *balāghah*. Justeru, aspek-aspek seperti penyampaian makna yang berkesan ke dalam jiwa pendengar atau pembaca, penggunaan ungkapan yang standard dan baku, perkaitan kandungan makna dengan lafaz serta fungsi pengaruh yang signifikan terhadap mesej dan idea merupakan sebahagian besar bidang perbincangan ilmu *balāghah*.

Ramai sarjana Arab yang menekankan kepentingan ilmu *balāghah* dalam membincangkan perkaitan antara lafaz dengan makna sepertimana yang dinyatakan oleh Khālid bin Ṣafwān (w: 133H) ketika beliau duduk bersama Umar bin ‘Abd al-‘Azīz dan Hishām bin ‘Abd al-Mālik. Beliau berkata: “*Sebaik-baik percakapan ialah apa-apa yang mendalam maknanya, elok susunannya dan sedap telinga mendengarnya...*” (Ibn Manzūr, 2003). Daripada kata-kata ini, jelas menunjukkan betapa perlunya sesuatu ujaran dan ungkapan yang ingin dikemukakan mempunyai susunan yang betul, makna yang jelas serta penggunaan lafaz yang mampu menarik perhatian pendengar atau pembaca.

Malah ilmu *balāghah* turut dikaitkan dalam perbincangan tentang kehebatan bahasa yang terkandung dalam kitab al-Quran al-Karīm. Hal ini adalah sebagaimana yang disebutkan dengan jelas oleh al-‘Askariy (1998): “*Sesungguhnya sebenar-benar ilmu yang perlu dibahas dan dikaji selepas mengenal keesaan Allah ialah ilmu balāghah, dengannya kita dapat mengenal kemukjizatan kitab al-Quran yang menuturkan kebenaran, memandu ke jalan yang lurus, dan menerangkan kebenaran risalah Allah dan rasulNya*”. Kata-kata ini menunjukkan bagaimana ilmu *balāghah* berfungsi untuk melihat keistimewaan yang terdapat dalam kitab Allah SWT tersebut sesuai dengan teori dan konsep yang dibina oleh para ulama. Susunan lafaz yang indah dalam kitab al-Quran hanya mampu difahami apabila dikaji berdasarkan perkaitan antara makna konteks dengan *co-text* yang melatarinya.

Antara topik perbincangan dalam ilmu *balāghah* ialah *badī’*. *Uslūb* ini hadir sebagai salah satu cabang utama ilmu *balāghah*. Kajian terhadap *badī’* dalam mana-mana karya sastera sebenarnya merupakan satu kajian terhadap aspek gaya bahasa yang telah bermula dalam dunia Islam sejak beratus tahun yang lalu dan mula berkembang di Barat pada tahun 1960-an (Mohammad Fadzeli Jaafar, 2017). Gaya bahasa dalam bahasa Arab mempunyai bentuk yang pelbagai dan merangkum semua cabang yang terdapat dalam ilmu *balāghah* seperti ilmu *ma’āniy*, *bayān* dan *badī’*.

Analisis yang dilakukan terhadap *uslūb badī’* ini secara umumnya hampir menyerupai analisis stilistik yang dijalankan oleh para pengkaji Barat. Namun begitu, ahli linguistik Barat mencadangkan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dalam menganalisis teks sastera antaranya item leksikal, aspek tatabahasa, bahasa kiasan dan konteks kepaduan (Leech dan Short, 1991). Secara dasarnya, *badī’* ialah satu bentuk gaya bahasa yang memberikan nilai tambah kepada keindahan dan estetika suatu ungkapan, kemudian membinanya dengan susunan yang dapat

mencantikkan ungkapan tersebut mengikut kesesuaian berdasarkan tuntutan keadaan dan konteks (al-Hāshimiy, 1999).

Keserasian dalam pemilihan kata-kata dan kejelasan makna perkataan sangat penting dalam pembentukan *uslūb badī'* (al-Akhḍariy, 2001). Naṣif (2008) pula menyatakan bahawa dengan menguasai ilmu *badī'*, seseorang mampu mengetahui aspek keindahan lafaz dan makna sesuatu ujaran berdasarkan konteks dan keadaan. Kesimpulannya, *uslūb* atau gaya bahasa *badī'* menumpukan pada unsur keindahan dan keelokan makna serta perkataan yang terdapat dalam sesuatu ayat. Fungsinya adalah untuk memperindah bahasa yang digunakan supaya maksud yang disampaikan sangat berkesan dan mendalam kepada jiwa pendengar atau pembaca.

Menurut Aḥmad Husīn (2013), *uslūb badī'* banyak terdapat dalam penulisan karya sastera Arab klasik dan moden. Antara karya sastera Arab yang banyak mengandungi *uslūb badī'* ialah seni *maqāmāt*. Seni *maqāmāt* ialah satu warisan prosa Arab yang telah muncul sejak kurun ke-4 Hijrah lagi. Menurut al-Darūbiy (1989), seni *maqāmāt* ditulis dengan tujuan melontarkan sesuatu gagasan pemikiran atau idea yang berkaitan dengan isu-isu tertentu seperti agama, politik, sosial dan disiplin ilmu.

Al-Darūbiy (1989) menyatakan bahawa setiap cerita yang terdapat dalam seni *maqāmāt* lazimnya menggambarkan sesuatu maksud yang berlegar dalam minda pengarang untuk disampaikan kepada khalayak pembaca dengan menggunakan pelbagai bentuk gaya bahasa yang tersirat dan tidak secara berterus terang. Susunan kata dan idea yang disampaikan mencerminkan kecenderungan dan hala tuju diri pengarang tersebut yang mengandungi pelbagai *uslūb badī'* dan ciri keindahan serta keelokan bahasa apabila diungkapkan (al-Darūbiy, 1989).

Menurut Ḍayf (1971) pula, ciri-ciri dan bentuk yang terdapat pada *maqāmāt* menghampiri cerpen pendek yang mempunyai rima yang sama atau kisah khayalan yang penuh dengan nilai sastera dan *balāghah*. Kisah dalam *maqāmāt* biasanya diceritakan oleh seorang perawi yang datang daripada imaginasi penulis itu sendiri. Perawi tersebut sentiasa berulang-ulang dalam meriwayatkan pelbagai kisah yang terkandung dalam *maqāmāt*. Seni *maqāmāt* juga mempunyai seorang adiwira yang memiliki watak yang nakal, pintar, peminta sedekah, menghiburkan, gaya yang menarik serta menyenangkan (Ḥasan, 1974).

Ḍayf (1971) turut berpandangan bahawa terdapat kemungkinan seni-seni bahasa seperti ini telahpun muncul lebih awal berbanding dengan syair. Ini dapat dilihat apabila sejak dahulu lagi bangsa Arab gemar berhibur di majlis-majlis perhimpunan orang ramai dan mendengar kisah-kisah yang disampaikan oleh tukang cerita biarpun kisah-kisah itu hanyalah khayalan atau rekaan semata-mata (Ḥasan, 1974). Kisah-kisah yang disampaikan itu sebenarnya mencerminkan adat budaya, tradisi, pola pemikiran, pegangan dan kepercayaan masyarakat pada zaman tersebut (Ḍayf, 2000).

‘Iwad (1979) dalam kajiannya menyatakan bahawa seni *maqāmāt* ini cerminan atau refleksi kehidupan sesebuah masyarakat yang merangkum semua golongan seperti pemerintah, ahli politik, agamawan dan lain-lain lagi. Justeru, penghasilan seni *maqāmāt* memberikan nilai tambah kepada sastera dan budaya bangsa Arab. Malah, seni ini turut digunakan oleh sebahagian karyawan Arab untuk menyampaikan mesej dan gagasan pemikiran yang berkaitan dengan disiplin ilmu (al-Darūbiy, 1989).

Kewujudan disiplin ilmu dalam karya sastera bukanlah sesuatu yang asing. Menurut Peels (2020), ramai pengkarya menjadikan medan sastera sebagai wahana untuk menyampaikan disiplin ilmu kepada khalayak masyarakat. Antara disiplin ilmu yang dimaksudkan termasuklah ilmu semantik, tatabahasa dan politik. Disiplin-disiplin ilmu yang diketengahkan lazimnya berbentuk kisah atau cerita yang mengandungi gaya bahasa sastera yang indah dan menarik (Peels, 2020).

Sementara itu, Swirsky (1998) menyebut bahawa karya sastera merupakan instrumen penting dalam membentuk dan mendidik ahli masyarakat melalui penyampaian nilai murni dan disiplin ilmu. Disiplin ilmu sains sosial contohnya, sering dipaparkan oleh pengkarya sastera dalam novel dan penulisan mereka (Swirsky, 1998).

Gibson (2009) pula menyatakan bahawa karya sastera sering dipandang sebagai salah satu usaha kreatif yang berkait rapat dengan unsur khayalan dan tidak menggambarkan sesuatu yang realistik. Oleh hal yang demikian, beberapa sarjana Barat telah membincangkan isu disiplin ilmu dalam karya sastera berdasarkan kerangka epistemologi seperti perbincangan fakta, kewujudan bukti bagi menyokong fakta yang dikemukakan serta kesimpulan bagi fakta-fakta tersebut (Gibson, 2009). Kebanyakan mereka berpandangan bahawa disiplin ilmu dalam karya sastera mestilah berteraskan fakta yang sahih dan disokong dengan bukti yang kukuh (Gibson, 2009).

Di samping itu, perbahasan yang berkaitan dengan disiplin ilmu dalam epistemologi Islam turut dibincangkan oleh para ulama sejak beberapa kurun yang lalu. Menurut Shahir Akram Hassan (2016), kebanyakan ulama Islam berpandangan bahawa semua hasil karya yang dihasilkan sama ada berbentuk sastera ataupun bukan, mestilah mempunyai mesej dan disiplin ilmu yang berteraskan al-Quran dan al-Sunah Nabi SAW. Hal ini dikatakan demikian kerana disiplin ilmu berteraskan al-Quran dan al-Sunah bersifat benar dan tidak mengandungi sebarang keraguan (Habibul Umam Taqiuddin, 2014).

1.3 Pernyataan Masalah

Disiplin ilmu seharusnya dititikberatkan dalam penghasilan sesebuah karya sastera. Di samping jalan cerita yang menarik, penyampaian sesuatu disiplin ilmu perlu diberi perhatian oleh pengarang supaya dapat difahami oleh pembaca sama ada disampaikan secara langsung ataupun secara tersirat. Menurut Kamariah

Kamaruddin (2009), karya sastra mempunyai peranan besar dalam menyampaikan disiplin ilmu dan mencorakkan pemikiran khalayak pembaca.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, penyampaian disiplin ilmu dikesan terdapat dalam karya sastra Arab sejak zaman Jahiliah lagi (Nailah bt Abas et al., 2015). Namun begitu, Abū Khudāriy (2007), berpandangan bahawa masyarakat Arab Jahiliah lebih cenderung menjadikan syair sebagai wahana untuk menyampaikan mesej berkaitan dengan disiplin ilmu berbanding dengan prosa. Kajian yang dilakukan oleh al-Saʿīd Shanūqah (2008) turut menemukan bahawa kebanyakan karyawan Arab lebih gemar menjadikan syair sebagai wasilah untuk menyampaikan mesej, idea, kritikan dan tema disiplin ilmu kepada masyarakat.

Manakala Dayf (1966) pula berpandangan bahawa para sasterawan Arab mula menjadikan seni prosa sebagai medium untuk menyampaikan nasihat, kritikan dan disiplin ilmu secara meluas pada zaman kerajaan Abbasiyyah. Menurut Dayf (1996), hal ini berlaku disebabkan oleh penyampaian mesej melalui seni prosa lebih mudah dan bebas berbanding dengan syair yang terikat dengan lafaz yang disusun berdasarkan *wazn* dan *qāfiyah* tertentu. Pandangan ini diperkukuh dengan kajian yang dilakukan ke atas seni prosa pasca Jahiliah seperti *rasāil*, *riwāyah*, *qiṣṣah* dan *maqāmāt* yang banyak mengandungi unsur nasihat, kritikan, kata-kata hikmah dan disiplin ilmu (Murawwah, 1990).

Al-Darubiy (1989) dalam kajiannya pula mendapati bahawa antara prosa Arab yang mula mendapat perhatian sasterawan Arab pada zaman Abbasiyyah ialah seni *maqāmāt*. Beliau berpandangan bahawa seni *maqāmāt* turut dijadikan bahan oleh karyawan Arab dalam menyampaikan sesuatu mesej berkaitan dengan disiplin ilmu kepada khalayak pembaca. Namun, gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang seni *maqāmāt* dalam menyampaikan mesejnya lebih berbentuk tersirat terutama dengan penggunaan *uslūb badīʿ*. Hal ini memerlukan penelitian yang tuntas oleh para pengkaji ketika meneroka setiap ujaran teks yang mengandungi *uslūb badīʿ* (al-Ghubāriy, 2013).

Sementara itu, al-Rashīdiy (2016) berpandangan bahawa *uslūb badīʿ* yang terdapat dalam karya sastra perlu diteliti secara mendalam kerana mengandungi fungsi dan peranan tertentu dalam pembentukan makna. Perkara ini memerlukan penguasaan yang baik berkaitan dengan *uslūb badīʿ* dalam meneroka makna sebenar di sebalik ujaran teks yang diketengahkan agar pembaca dapat memahami apakah mesej dan gagasan pemikiran yang cuba disampaikan oleh setiap pengarang. Manakala Aḥmad Ḥusīn (2013) pula menyatakan bahawa indikasi yang terdapat pada *uslūb badīʿ* mempunyai isyarat tertentu yang wajar dianalisis bagi mendapatkan makna yang sebenar.

Sorotan lampau berkaitan dengan *uslūb badīʿ* juga menemukan bahawa gaya bahasa ini digunakan oleh sasterawan Arab dalam pelbagai tujuan. Kewujudan *uslūb badīʿ* dalam karya sastra bukan sekadar penghias lafaz semata-mata tetapi juga

mempunyai peranan dan pengaruhnya yang tersendiri (Amal Ḥusīn, 2017). Menurut al-Darūbiy (1989), *uslūb badī'* yang banyak digunakan dalam seni *maqāmāt* Arab memainkan peranan penting dalam mengindahkan lafaz dan makna yang ingin diketengahkan.

Oleh hal yang demikian, kewujudan *uslūb badī'* dalam MIS wajar diberi perhatian terutama yang berkaitan dengan disiplin ilmu. Kewujudan *uslūb badī'* dalam MIS juga mengandungi mesej dan idea tertentu yang cuba diketengahkan oleh al-Suyūṭiy dalam bentuk yang tersirat (Uqayyib, 2018). Menurut al-Ghubariy (2013), kajian ilmiah mengenai *uslūb badī'* yang terdapat dalam MIS boleh membuka ruang kepada penyelidik untuk melihat perkaitan antara ketokohan al-Suyūṭiy dalam menguasai beberapa disiplin ilmu pengetahuan dengan interpretasi yang terkandung menerusi gaya bahasa yang digunakan.

Ṣabrīnah dan Zaynab (2017) pula berpandangan bahawa meskipun *uslūb badī'* secara lazimnya berperanan membentuk keindahan lafaz dan makna dalam pelbagai karya sastera seperti *risālah*, *qiṣṣah* atau *ḥikāyah*, keindahan lafaz dan makna ini lebih menarik untuk disampaikan melalui penulisan sastera yang berformat seperti seni *maqāmāt*. Oleh yang demikian, kajian ini memberikan tumpuan pada keindahan lafaz dan keindahan makna yang terkandung dalam ujaran teks yang mempunyai kaitan dengan mesej dan tema disiplin ilmu yang ingin diketengahkan oleh al-Suyūṭiy.

Kajian lepas turut mendapati bahawa al-Suyūṭiy merupakan seorang tokoh yang menguasai beberapa cabang disiplin ilmu pengetahuan. Al-Sarjāniy (2014) menyebut bahawa antara disiplin ilmu yang dikuasai oleh al-Suyūṭiy termasuklah fikah, hadis, tafsir, nahu, *ṣorf* dan *balāghah*. Namun begitu, sorotan ke atas kajian terdahulu menunjukkan bahawa kebanyakan disiplin ilmu ini ditulis secara langsung dalam bentuk ilmiah tanpa digabungkan dengan gaya bahasa sastera. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat aspek penyampaian tema disiplin ilmu melalui penggunaan gaya bahasa sastera seperti *uslūb badī'*.

Sehubungan dengan itu, kajian ini secara langsung memfokuskan pada *uslūb badī'* berkaitan dengan disiplin ilmu dalam karya MIS bagi mengisi kelompangan kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini. Ini sejajar dengan pandangan Uqayyib (2018) yang menyatakan bahawa kebanyakan kajian yang dilakukan terhadap MIS masih berlegar tentang aspek isi kandungan dan naratif penceritaan sahaja. Masih kurang lagi kajian khusus berkaitan dengan *uslūb badī'* yang melibatkan kepelbagaian fungsi yang luas dan menyeluruh terhadap MIS seperti kajian terhadap struktur dan jenis ayat, pemilihan kata-kata dan penyampaian tema disiplin ilmu.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan *uslūb badī'* berkaitan dengan disiplin ilmu yang terdapat dalam *Maqāmāt Imam al-Suyūṭiy* (MIS). Oleh itu, pengkaji menggariskan tiga objektif utama dalam kajian ini seperti yang berikut:

1. Menenal pasti *uslūb badī'* berkaitan dengan disiplin ilmu yang terdapat dalam MIS.
2. Menganalisis makna konteks dan *co-text* dalam *uslūb badī'* yang terdapat dalam MIS dalam aspek penyampaian ilmu.
3. Merumuskan tema disiplin ilmu melalui penggunaan *uslub badī'* yang terdapat dalam MIS.

1.5 Persoalan Kajian

Untuk mencapai objektif kajian yang telah dinyatakan di atas, beberapa soalan telah dikemukakan oleh pengkaji sepanjang menjalankan kajian ini. Soalan-soalan tersebut adalah seperti di bawah:

1. Apakah bentuk *uslūb badī'* berkaitan dengan disiplin ilmu yang terdapat dalam MIS?
2. Bagaimanakah makna konteks dan *co-text* dalam *uslūb badī'* berperanan dalam aspek penyampaian ilmu?
3. Bagaimanakah tema disiplin ilmu diketengahkan melalui penggunaan *uslūb badī'* yang terdapat dalam MIS?

1.6 Kepentingan Kajian

Berdasarkan tinjauan persuratan yang dijalankan, kewujudan *uslūb badī'* dalam *Maqāmāt Imam al-Suyūṭiy* (MIS) perlu dikaji secara rinci untuk mendapatkan maknanya yang sebenar. Secara umumnya, MIS ialah sebuah hasil penulisan yang signifikan untuk dijadikan bahan kajian kerana ia memiliki kepentingannya yang tersendiri. Menerusi kajian ini, pengkaji mengetengahkan satu perbincangan menyeluruh yang berkisar tentang *uslūb badī'* berkaitan dengan disiplin ilmu yang terdapat dalam MIS.

Pemilihan *uslūb badī'* yang terkandung dalam MIS dibuat memandangkan wujudnya kaitan yang rapat antara ungkapan kata-kata dengan makna atau idea yang ingin disampaikan oleh penulis kepada masyarakat pada zamannya. Menurut Ṣabrīnah dan Zaynab (2017), ilmu *badī'* merupakan satu ilmu yang mengkaji bentuk gaya bahasa (أسلوب) yang terdapat dalam sebuah ungkapan teks dengan melihat faktor yang

menjadikan ungkapan tersebut indah, hasil daripada keserasian dan kesantunan makna dan lafaz berdasarkan situasi dan konteks.

Ardiansyah (2016) pula berpandangan, kajian terhadap gaya bahasa dan pemilihan ungkapan kata-kata dalam sebuah karya sastera yang bermutu tinggi akan memberikan satu dimensi baharu terhadap khalayak pembaca. Menurut Ardiansyah (2016) lagi, kajian seperti ini akan memaparkan sejauh mana pemilihan kata-kata yang tepat dan gaya bahasa yang digunakan memberikan impak kepada penyampaian sesuatu idea. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan gaya bahasa tertentu mampu mempengaruhi makna atau mesej yang ingin disampaikan.

Kajian terhadap *uslūb badī'* dilihat perlu kerana sering dijadikan sebagai teknik dan wacana seni dalam pemakaian bahasa secara berkesan sama ada dalam pertuturan ataupun penulisan khususnya dalam medan sastera. 'Umar (2006) menyatakan bahawa *uslūb badī'* mempunyai peranan yang signifikan dalam membentuk jalan cerita yang menarik dan berkesan. Keindahan lafaz dan makna yang terkandung dalam *uslūb badī'* mampu mempengaruhi khalayak pembaca untuk menghayati setiap kisah yang disampaikan (Muhammad, 2017). Di samping itu, *uslūb badī'* juga dijadikan medium oleh sebahagian cendekiawan untuk menyatakan sesuatu yang bersifat sensitif seperti kritikan terhadap para pemerintah (al-Darubiy, 1989).

Selain itu, kajian ini juga merumuskan tema *uslūb badī'* berkaitan dengan disiplin ilmu yang bersesuaian dengan konteks dan *co-text* yang dipaparkan dalam MIS. Justeru, pemilihan karya MIS sebagai bahan kajian sesuatu yang bertepatan berdasarkan kewujudan gaya bahasa *badī'* yang terkandung di dalamnya dan dijadikan wasilah oleh al-Suyūṭiy untuk menyampaikan tema disiplin ilmu kepada para pembaca. Menurut al-Ghubariy (2013), tema disiplin ilmu dalam MIS perlu diterokai dengan lebih rinci kerana pengarangnya banyak menggunakan gaya bahasa simbolik dan tersirat dalam mengetengahkan idea dan gagasan pemikirannya.

Al-Darūbiy (1989) berpandangan bahawa MIS merupakan contoh teks prosa Arab yang sesuai dijadikan bahan kajian kerana kewujudan gaya bahasa sastera seperti *uslūb badī'*. Hakikatnya, sastera itu sendiri merupakan seni bahasa yang mengandungi nilai, iaitu dari segi cara pengungkapan, isi kandungan cerita, bentuk perbezaan, disiplin ilmu dan ciri khas yang terdapat dalam karya tersebut (Uqayyib, 2018).

Di samping itu, Uqayyib (2018) menyatakan bahawa MIS ialah gambaran isi hati penulisnya yang sangat halus dan berseni. Cara penulisannya adalah untuk menzahirkan apa-apa yang ada dalam pemikiran penulis di samping memaparkan kehebatannya dalam menguasai pelbagai disiplin ilmu antaranya termasuklah agama, sejarah, bahasa dan sastera. Oleh itu, kajian ini dilihat sesuai dan penting untuk menyorot peranan *uslūb badī'* dalam menzahirkan kepelbagaian tema dan gagasan pemikiran berteraskan disiplin ilmu yang terdapat dalam MIS.

1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian berperanan untuk menentukan skop kajian supaya lebih berfokus dan tidak meleret. Penting bagi pengkaji untuk menentukan apakah had sesuatu kajian yang ingin dikaji agar objektif kajian yang digariskan dapat dicapai dengan sebaik mungkin. Oleh sebab itu, beberapa aspek utama seperti bidang kajian, kes kajian dan data kajian dibataskan dalam ruang lingkup yang sepatutnya.

Fokus kajian ini ialah *uslūb badī'* berkaitan dengan disiplin ilmu dalam karya MIS. Oleh itu, pengkaji menumpukan pada perbahasan beberapa *uslūb badī'* yang memenuhi objektif kajian, merangkumi *Muḥassināt Jamāliyyah Lafẓiyyah* (MJL) dan *Muḥassināt Jamāliyyah Ma'naviyyah* (MJM) yang terdapat dalam karya sastera tersebut. Disiplin ilmu yang dimaksudkan pula ialah ilmu-ilmu yang dibincangkan dalam kerangka epistemologi Islam seperti akidah, tasawuf, hadis Nabi SAW, sejarah, politik dan kesihatan Shahir Akram Hassan (2016).

Sehubungan dengan itu, kajian ini tidak mengkaji *uslūb badī'* yang tidak mempunyai kaitan dengan disiplin ilmu meskipun *uslūb badī'* tersebut terdapat dalam MIS seperti *uslūb badī'* yang digunakan untuk menceritakan keindahan alam, kecantikan seorang wanita dan sebagainya. Selain itu, kajian ini juga menjadikan pendekatan al-Maydāniy (1996) dalam mengenal pasti *uslūb badī'* yang terkandung dalam MIS. Ini bermakna *uslūb badī'* yang tidak dibahasakan oleh al-Maydāniy (1996) juga tidak dirincikan dalam kajian ini.

Pengkaji telah memilih teks MIS sebagai bahan kajian. Sebanyak lima kisah *maqāmāt* telah dipilih, dikumpul, diperiksa dan disemak dengan teliti (*tahqīq*) oleh dua orang tokoh linguistik Arab, iaitu 'Abd al-Ghaffār Sulaymān al-Bandāriy dan Muḥammad al-Sa'īd Basyūniy Zaghlūl. Kedua-dua tokoh ini mengumpulkan lima buah *maqāmāt* Imam al-Suyūṭiy berdasarkan manuskrip (*makhṭūṭāt*) yang terdapat di beberapa perpustakaan terkenal seperti Perpustakaan Universiti Leiden di Belanda, Perpustakaan Diraja Maghribi di Rabat, Perpustakaan Nasional di Paris, dan pelbagai lagi.

Seiringan dengan itu, kajian ini hanya dibataskan kepada lima buah *maqāmāt* sebagai teks korpus. Pemilihan lima buah *maqāmāt* ini dilakukan kerana kewujudannya disepakati oleh para pengkaji MIS sejak dahulu sehingga hari ini (al-Ḥasanāt, 2013). Menurut Uqayyib (2018), para pengkaji MIS berselisih pendapat dalam menentukan *maqāmāt* sebenar yang dikarang oleh al-Suyūṭiy. Namun, mereka bersepakat dalam menyatakan bahawa kelima-lima *maqāmāt* yang dikaji dalam kajian ini benar-benar dihasilkan oleh al-Suyūṭiy.

Oleh hal yang demikian, setiap *uslūb badī'* yang dijadikan sebagai sampel data kajian, dianalisis berdasarkan makna konteks dan *co-text* bersesuaian dengan teori *Naẓm* yang diasaskan oleh al-Jurjāniy (1994). Analisis ini dijalankan bagi merumuskan apakah tema *uslūb badī'* berkaitan dengan disiplin ilmu yang cuba

disampaikan oleh Imam al-Suyūṭiy kepada khalayak pembaca. Berdasarkan hal tersebut, sampel data kajian yang dipilih merupakan teks yang dikenal pasti mengandungi *uslūb badī'* dan berkaitan dengan disiplin ilmu sahaja. *Uslūb badī'* yang tersebut dikaji dari aspek yang berikut:

1. Jenis *uslūb badī'* yang berkaitan dengan disiplin ilmu berdasarkan pembahagian yang dibuat oleh al- Maydāniy (1996).
2. Ungkapan teks yang mengandungi *uslūb badī'* dan kaitannya dengan latar *maqāmāt*, makna konteks dan *co-text*, serta gagasan pemikiran yang ingin disampaikan oleh Imam al-Suyūṭiy.
3. Penggunaan *uslūb badī'* berkaitan dengan disiplin ilmu yang terdapat dalam MIS.

1.8 Definisi Operasional

Berikut ialah definisi operasional bagi istilah-istilah yang diguna pakai dalam kajian ini. Penjelasan istilah ini penting bagi memudahkan kefahaman pembaca. Oleh itu, bagi memenuhi konsep kajian dan objektif yang telah digariskan, pengkaji telah menggunakan definisi operasional seperti yang berikut:

1.8.1 *Badī'*

Satu bentuk gaya bahasa yang berkaitan dengan keserasian lafaz yang indah dan menarik dalam sesuatu ujaran ayat dengan makna atau maksud yang ingin disampaikan. *Uslūb badī'* merupakan salah satu cabang utama ilmu *balāghah*. Dalam konteks kajian ini, *uslūb badī'* yang dibincangkan hanya melibatkan beberapa jenis tertentu sahaja merangkumi *Muḥassināt Jamāliyyah Lafziyyah* (MJL) dan *Muḥassināt Jamāliyyah Ma'nawiyyah* (MJM) seperti yang dibahaskan oleh al-Maydāniy (1996).

1.8.2 *Uslūb*

Cara atau gaya bahasa yang diungkapkan seseorang penutur atau penulis dalam menyusun sesebuah ayat yang sesuai dengan memilih kosa katanya yang indah, jelas dan menarik. Cara pengungkapan tersebut meliputi setiap aspek bahasa seperti keserasian lafaz dan susunannya, penggunaan lambang, rima akhir yang sama, antitesis dan hiperbola.

1.8.3 Disiplin Ilmu

Dalam kajian ini, disiplin ilmu yang dimaksudkan ialah pengetahuan yang dimiliki oleh Imam al-Suyūṭiy yang terdapat dalam MIS berdasarkan kerangka epistemologi Islam seperti yang dibincangkan oleh al-Ghazāliy (Shahir Akram Hassan, 2016).

Menurut al-Ghazāliy, disiplin ilmu terbahagi kepada dua kategori utama, iaitu *shar'iyah* dan *'aqliyyah*. Antara disiplin ilmu yang dinyatakan oleh al-Ghazāliy termasuklah akidah, tasawuf, hadis, sejarah, politik, sains dan kesihatan (Osman Bakar, 1998).

1.8.4 *Maqāmāt Imam al-Suyūṭiy* (MIS)

Maqāmāt Imam al-Suyūṭiy merupakan himpunan cerita yang disampaikan secara *masjū'* (persamaan rima akhir) yang dihasilkan pada kurun ke-9 Hijrah. MIS merujuk sebuah karya sastera prosa bahasa Arab yang mempunyai nilai sastera dan ilmiah (Dandrāwiy, 1994). Karya ini dikarang oleh seorang tokoh yang menguasai pelbagai disiplin ilmu, dihormati oleh segenap lapisan masyarakat, iaitu Imam al-Suyūṭiy. Seorang ulama bermazhab Syafie yang lahir pada tahun 849H dan meninggal dunia pada tahun 911H (al-Shak'ah, 1994).

1.8.5 Latar *Maqāmāt*

Suasana, peristiwa dan watak yang berlaku di sebalik sesebuah kisah *maqāmāt*. Suasana yang dimaksudkan termasuklah ruang tempat, masa dan masyarakat, peralatan yang menjadi asas kepada terhasilnya sesuatu *maqāmāt*. Latar kepada kisah *maqāmāt* dalam karya MIS merangkum majlis perdebatan, pemberian wangian, majlis pelantikan dan pelbagai lagi yang berkaitan dengan masyarakat Mesir pada zaman pemerintahan kerajaan *Mamālīk Jarākisah*.

1.8.6 Makna Konteks

Makna konteks merujuk makna khusus yang berdasarkan lingkungan yang meliputi susunan lafaz, keadaan, tempat, masa atau zaman sesuatu ungkapan disampaikan. Konteks situasi ialah keseluruhan lingkungan yang melatari sesuatu teks dan ucapan yang disampaikan oleh seseorang merujuk apa-apa yang terjadi terhadap sesuatu keadaan atau kondisi. Makna yang berdasarkan konteks akan berbeza dengan makna yang terdapat dalam kamus.

1.8.7 Makna *Co-Text* (Teks Iringan)

Hubungan antara lafaz dengan jalinan kata-kata yang membentuk binaan ayat. Setiap lafaz mempunyai peranan tertentu berdasarkan apa-apa yang terkandung dalam ilmu nahu. Makna *co-text* merangkum hubungan antara kosa kata dengan kosa kata, frasa dengan frasa dalam sesuatu ujaran ayat. Makna *co-text* tidak akan terhasil melainkan melalui perkaitan antara satu lafaz dengan lafaz seterusnya yang membentuk satu ujaran ayat, perenggan dan nas secara keseluruhan.

1.9 Kesimpulan

Bab ini membicarakan secara keseluruhan bentuk kajian yang dijalankan dan menyentuh beberapa perkara yang menjadi latar belakang kajian seperti sastera Arab, kepentingan ilmu *balāghah*, *uslūb badī'*, seni *maqāmāt* dan disiplin ilmu. Pengkaji juga telah memberikan pengenalan secara umum berkaitan dengan *Maqāmāt Imam al-Suyūṭiy* (MIS). Bab ini juga telah mengulas pernyataan masalah yang menjadi asas kepada kerangka kajian dengan menyatakan keperluan kajian ini dilaksanakan serta kelompongan yang terdapat dalam kajian yang terdahulu.

Di samping itu, objektif dan soalan kajian telah dinyatakan secara jelas dan tuntas. Seterusnya, pengkaji turut menjelaskan betapa pentingnya kajian ini dijalankan dan signifikannya terhadap karya sastera *Maqāmāt Imam al-Suyūṭiy* (MIS). Pada akhir bab ini, terdapat penjelasan mengenai definisi operasional yang berkaitan dengan istilah atau terminologi yang digunakan dalam kajian ini. Bab yang berikutnya melihat dan memaparkan tinjauan persuratan yang mempunyai kaitan dengan konsep dan kerangka kajian ini.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim

- ‘Abbās, Faḍl Ḥasan. (1991). *I’jāz al-Qurān al-Karīm*. ‘Amman: Dār al-Nafā’is
- ‘Abbās, Faḍl Ḥasan. (2009). *al-Balāghaḥ Funūnu-ha Wa Afnānu-ha; ‘Ilm al-Bayān wa al-Badī’*. ‘Amman: Dār al-Nafā’is.
- ‘Abbās, Ḥasan (1990). *Nashatu al-Maqāmah Fī al-Adab al-‘Arabiyy*. Kaherah: Dār al-Ma’ārif.
- ‘Abd al-Mu’min, ‘Uthmān al-Syeikh. (2011). *Al-Badī’iyyāt Fī Maqāmāt ‘Aīd al-Qarniy al-Su’ūdiy Dirāsah Taḥliliyyah*. Ilorin: Universiti Ilorin.
- ‘Abd al-Raḥman al-Naḥwiyy, Kamāl al-Dīn Abū Barakāt. (1999). *Asrār al-‘Arabiyyah*. Beirut: Dār al-Arqam.
- Ab Halim Mohamad. (2011). Unsur-Unsur Ilmu Badī’ Arab dalam Syair Hamzah Fansuri. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation*, 67-82.
- Abu Khuḍārī, ‘Arif Karkhī. (2007). Al-Lughah Al-Shi’ri Fī Majāl Ta’līmī. <http://www.allesan.org.my.html> (6 April 2009).
- Ahmad Rofi Usmani. (2016). *Jejak-Jejak Islam*. Jakarta: Bunyan.
- Akhmad Muzakki. (2006). *Kesusastraan Arab Pengantar Teori dan Terapan*. Surabaya: Pustaka Progresif.
- ‘Akkāwiyy, In’ām Fawwal. (1992). *Al-Mu’jam al-Mufaṣṣal Fī ‘Ulūm al-Balāghah; al-Badī’ Wa al-Bayān Wa al-Ma’āniyy*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Akhḍariyy, ‘Abdul Raḥmān. (2001). *Al-Jawhar al-Maknūn Fī Ṣadafi al-Thalāthati al-Funūn*. sunt. Muḥammad bin Abdul Aziz Naṣīf. Kaherah: Markaz al-Baṣa’ir Li al-Baḥṯhi al-‘Ilmiyy.
- Al-Albāniyy, Muḥammad Nāṣiruddīn. (2009). *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa’īfah Wa al-Mawḍū’ah*. Riyāḍ: Maktabah al-Ma’ārif.
- Al-‘Alawiy, Yaḥyā bin Hamzah al-Yamaniyy (2002). *Al-Ṭirāz al-Mutaḍammīn Li Asrār al-Balāghah Wa ‘Ulūm Haqā’iq al-I’jāz*. sunt. ‘Abd al-Ḥamīd al-Hindāwiyy. Beirut: al-Maktabaḥ al-‘Aṣriyyah.
- ‘Alān, Ibrāhīm Maḥmūd (2002). *al-Badī’ Fi al-Qurān: Anwa’uhu Wa Waḥāifuhu*. al-Shāriqah: Dāirah al-Thaqāfah Wa al-‘Ilām.
- Al-‘Anziyy, ‘Anoud Aḥmad (2015). *Al-Badī’ Fī Dīwān ibn Ḥaddād al-Andalusiy*. Mekah: Universiti Ummu al-Qurā.

- Al-Ashqar, Umar Sulaymān. (2000). *Kiamat Kecil dan Tanda-tanda Kiamat Besar*. Johor Bahru: Pertiagaan Jahabersa.
- Al-‘Askāriy, al-Ḥasan bin Abdullah bin Sahl. (1998). *Al-Ṣinā’atain*. sunt. ‘Ali Muḥammad al-Bajawiy et. al. Beirut: Al-Maktabah al-‘Unṣuriyyah.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1972). *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: UKM.
- Al-Azhariy, Abū Mansūr Muḥammad bin Aḥmad. (2001). *Mu’jam Tahdhīb al-Lughah*. sunt. Riyad Zakīy Qāsim. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turath al-‘Arabiyy.
- Al-Bustāniy, Buṭrus. (1979). *‘Udabā’ al-‘Arab Fī al-‘A’ṣur al-‘Abbasiyyah*. Beirut: Dār al-Jīl.
- Al-Dāmin, Ḥātim Ṣālih. (1979). *Naẓariyyah al-Naẓm; Tārīkh Wa Taṭawwur*. Manshūrāt Wizārah al-Thaqāfah Wa al-‘Ilām.
- Al-Darūbiy, Samīr Maḥmūd. (1989). *Sharh maqāmāt al-Suyūṭiy*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Al-Darūbiy, Samīr Maḥmūd. (2001). *Al-Ramz Fī Maqāmāt al-Suyūṭiy*. Beirut: Muassasah Al-Risālah.
- Al-Fakhūriy, Ḥanā. (1986). *Al-Jāmi’ Fī Tārīkh al-Adab al-‘Arabiyy al-Adab al-Qadīm*. Beirut: Dār al-Jīl.
- Al-Fayrūz Ābādiy, Majd al-Dīn Muḥammad bin ‘Ali. (1994). *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Al-Ghubāriy, ‘Awaḍ ‘Ali. (2013). *Maqāmāt al-Suyūṭiy: Dirāsah Fi Fan al-Maqāmah al-Miṣriyyah*. Kaherah: Dar al-Kutub Wa al-Wathāiq al-Qaumīyyah.
- Al-Ḥasanāt, Asmā’ ‘Audah. (2013). *Al-Ḥayah al-‘Ilmiyyah Fī al-Mujtama’ al-Mamlūkiyy Min Khilāl Maqāmāt al-Suyūṭiy*. Mu’tah: Universiti Mu’tah.
- Al-Hashimiy, Aḥmad. (1999). *Jawāhir al-Balāghah Fī al-Ma’āniyy Wa al-Bayān Wa al-Badī’*. Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah.
- ‘Aliy, Jawwād. (2001). *Al-Mufaṣṣal Fī Tārīkh al-‘Arab Qabla al-Islām*. Beirut: Dār al-Sāqiy.
- Al-Jawhariy, Ismā’īl bin Ḥammād. (1999). *Al-Ṣiḥḥah*. sunt. Imīl Badī’ Ya’qūb. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Jurjāniy, ‘Abd al-Qāhir. (1994). *Dalā’il al-I’jāz*. sunt. Muḥammad Rashīd Riḍā. Beirut: Dār al-Ma’rifah.
- Al-Jurjāniy, ‘Abd al-Qāhir. (1999). *Asrār al-Balāghah*. sunt. Sa’īd Muḥammad al-Laḥḥām. Beirut: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy.

- Al-Jurjāniy, ‘Aliy bin Muḥammad bin ‘Aliy (1998). *Al-Ta’rīfāt*. sunt. Ibrahīm al-Abyāriy. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Khaṭīb, Muḥammad ‘Ajāj (1971). *Al-Sunnah Qabla al-Tadwīn*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Marāghiy, Aḥmad Muṣṭafā (1950). *Tārikh Ulūm al-Balāghah Wa al-Ta’rīf Bi Rijālihā*. Mesir: Sharikah Maktabah Wa Maṭba’ah Muṣṭafā.
- Al-Marzūqiy, Riyād (1977). *Mulāḥazāt Fi Taṭawwur al-Maqāmah al-‘Arabiyyah. Majallah al-Mawqif al-Adābiy*, 99-107.
- Al-Maydāniy, ‘Abd al-Raḥmān bin Ḥasan Ḥabannakah. (1996). *Al-Balaghah al-Arabiyyah*. Beirut: Al-Dār al-Shāmiyyah.
- Al-Mundhiriyy, ‘Abd al-‘Azīm bin ‘Abd al-Qawiy. (2003). *Al-Targhīb Wa al-Tarhīb Min al-Ḥadīth al-Sharīf*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Nadwiyy, Sa’īd al-Raḥmān Fayḍī. (2014, Mac). *Darul Uloom Deoband*. Retrieved Julai 2018, from Darul Uloom Deoband Web site: <http://www.darululoom-deoband.com/arabic/magazine/tmp/1394513878fix4sub6file.htm>
- Al-Nawawiy, Muḥyi al-Dīn. (1994). *Sharh Ṣaḥīḥ Muslim*. sunt. Al-Syeikh Khalīl Ma’mūn Shīḥā. Beirut: Dār al-Ma’rifah
- Al-Qalāshi, Ahmad. (2005). *Taysīr al-Balāghah*. Beirut: Al-Mu’allaf.
- Al-Qalqashandiy, Abū al-‘Abbās Aḥmad. (1922). *Ṣubḥu Al-A’shā Fī Ṣinā’ati Al-Inshā’*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Al-Qāsimi, Jamaluddin. (1979). *Qawā’du al-Taḥdīth*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qīsiyy, Ahmad bin Abdul Mu’min. (1992). *Sharh Maqāmāt al-Ḥarīriyy*. Kaherah: Al-Maktabah al-Miṣriyyah.
- Al-Rashīdiy, Muhammad Ayyūb. (2016). Alwān al-Badī’ Fī Ṣurah al-Najm. *Journal of Islamic and Religious Studies*, 71-86.
- Al-Rāzi, Muhammad bin Abu Bakar. (1999). *Mukhtār al-Ṣiḥḥah*. Beirut: Al-Maktabah al-‘Aṣriyyah.
- Al-Sa’īd Shanūqah. (2008). Fī Manhaj al-Salaf Wa Aliyah Ta’līm al-‘Arabiyyah Bi Al-Manzūmāt Al-Shi’riyyah. Majallah ‘Ulūm Al-Insāniyyah. <http://www.ulum.nl.html> (22 Februari 2009).
- Al-Sakhāwiyy, Shamsuddin. (1992). *Al-Ḍaw’u al-Lāmi’ li Ahli al-Qarni al-Tāsi’*. Beirut: Dār al-Jīl.

- Al-Sakkākiy, Yusuf bin Abī Bakar. (1987). *Miftāh al-'Ulūm*. sunt. Na'im Zarzūr. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sāmarrā'iy, Fādil Šālih. (2009). *Ma'āniy al-Naḥwiyy*. 'Ammān: Dār al-Fikr Nāshirun Wa Muwazzi'un.
- Al-Sarjāniy, Rāghib. (2014, Jun 15). *Islamstory*. Retrieved Mei 31, 2020, from Islamstory Com: <https://islamstory.com/ar/artical/22394/>
- Al-Sarjāniy, Rāghib. (2011). *Sumbangan Peradaban Islam Pada Dunia*. Jakarta: Pustaka al-Kautsar.
- Al-Shak'ah, Mustafā (1994). *Jalāl al-Dīn al-Suyūṭiy: Masīratuhu al-'Ilmiyyah Wa Mabāḥisuhu al-Lughawiyyah*. Kaherah: al-Dār al-Miṣriyyah al-Lubnāniyyah.
- Al-Suyūṭiy, Jalaluddin Abdul Rahman. (1968). *Ḥusn al-Muḥaḍarah Fī Tarīkh al-Miṣr Wa al-Qāḥirah*. sunt. Muhammad Abu al-Faḍl Ibrāhīm. Kaherah: Dār al-Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-Suyūṭiy, Jalaluddin Abdul Rahman. (1986). *Maqāmāt al-Suyūṭiy*. sunt. Abdul Ghaffār Sulaymān al-Bandāriy dan Muhammad al-Sa'īd al-Basyūniy. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Suyūṭiy, Jalaluddin Abdul Rahman (1989). *Maqāmāt al-Suyūṭiy Fī al-'Adabiyyah Wa al-Ṭibbiyyah*. sunt. Muhammad Ibrāhīm Salīm. Kaherah: Ibn al-Sinā.
- Al-Suyūṭiy, Jalaluddin Abdul Rahman. (2003). *Al-Taḥadduth Bi Ni'matillah*. Beirut: Al-Maktabah al-'Aṣriyyah.
- Al-Suyūṭiy, Jalaluddin Abdul Rahman. (2008). *Al-Raḥmah Fī Ṭibb Wa al-Ḥikmah*. Beirut: Dār al-Arḡam.
- Al-Ṭabariy, Muhammad bin Jarīr. (1992). *Tafsir al-Ṭabariy*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ṭaḥḥān, Mahmūd. (2010). *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*. Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif Li al-Nashri Wa al-Tawzī'.
- Al-Ṭawīlah, Suzān Muhammad Abdul Salām. (2010). *Al-Badī' Fī Maqāmāt al-Ḥarīriy*. Ṭanṭā: Universiti Ṭanṭā.
- Al-Zabīdiy, Muhammad Murtaḍā. (2004). *Tāj al-'Arūs*. Al-Kuwait: Ṭab'at al-Kuwait.
- Al-Zahābiy, Muhammad bin Aḥmad (1996). *Siyar A'lām al-Nubalā'*. sunt. Shu'ayb al-Arna'uṭ. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Zamakhshariy, Mahmūd bin 'Umar. (1998). *Asās al-Balaghah*. sunt. Muḥammad Bāsīl 'Uyūn al-Sūd. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Al-Zayyāt, Ahmad Ḥasan. (2002). *Tarīkh al-'Adab al-'Arabiyyah*. Beirut: Dār al-Ma'rifah Li al-Ṭiba'ah Wa al-Nashr.
- Al-Zirikliy, Khairuddin bin Mahmud. (2002). *Al-A'lām*. Beirut: Dār al-'Ilm Li al-Malāyīn.
- Amīn dan al-Jārim. (2012). *Al-Balāghah al-Waḍīhah*. Kaherah: Dār al-Ma'arif.
- ‘Annān, Muhammad bin Abdullah. (1969). *Miṣr al-Islāmiyyah Wa Tārīkh al-Khutaṭ al-Miṣriyyah*. Kaherah: Al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Āmah Li al-Kitāb.
- Anqār, Muhammad. (2017, Desember 8). *Alantologia.com*. Retrieved March 20, 2020, from Alantologia : <http://alantologia.com/page/22667/>
- Ardiansyah. (2016). Al-Muḥassināt al-Bad'iyyah Pada Ayat-Ayat Hukum Tentang Berjuang Di Jalan Allah. *Al-Maslahah*, 447-464.
- ‘Ashūr, Sa'īd Abdul Fattāh. (1990). *Al-Ayyubiyah Wa al-Mamālīk Fī Miṣr Wa al-Shām Fī 'Aṣr*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah.
- ‘Atar, Nuruddin. (1992). *Manhaj al-Naqd Fī 'Ulūm al-Ḥadīth*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- ‘Atīq, Abdul Azīz. (2003). *Fī al-Balaghah al-'Arabiyyah*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-Arabiyyah.
- Awang bin Mohamed. (1999). *Fungsi al-Muqābalat Dalam al-Quran: Satu Analisis*. Kuala Lumpur: UM.
- Balḥālf et al. (2012). Min Mazāhir al-Iltiqā' Bayna Fikr 'Abd al-Qāhir al-Jurjāniyy Fī al-Naẓm Wa Mabādī' al-Lughawiyah Li Madrasah London. *Jurnal Majallah al-Dirāsāt al-Lughawiyah Wa al-Adabiyyah*, 5-38.
- Brockelmann, Carl. (2018). *History Of The Arabic Written Traditon*. Leiden: Brill.
- Brown, George dan Yule. (1996). *Discourse Analysis*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Bryman, Alan. (2008). *Social Research Methods*. U.K: Oxford University Press.
- Busnah, Fatīḥah. (2007). Insijām al-Khiṭāb Fī Maqāmāt Jalāl al-Dīn al-Suyūṭiy. *Al-Lughah al-Arabiyyah*, 315-332.
- Busnah, Fatīḥah. (2008). Al-Astrāṭijiyah al-Takhṭubiyah Fī Maqāmāt al-Suyūṭiy. *Al-Lughah al-Arabiyyah*, 237-276.
- Dandrāwiy, Qurshiy 'Abbās. (1994). *'Adab al-Suyūṭiy: Dirāsah Naqdiyyah*. Kaherah: Dār al-Ma'arif.
- Darwīsh, Aḥmad. (2008). *Dirāsah al-Uslūb Bayna al-Mu'āṣirah Wa al-Turāth*. Kaherah: Dār Gharīb Li al-Ṭabā'ah Wa al-Nashr Wa al-Tawzī'.

- Ḍayf, Shawqiy. (1966). *Tārīkh al-Adab al-'Arabiy: Al-'Aşru al-'Abbāsiy al-Awwal*. Kaherah: Dār al-Ma'ārif.
- Ḍayf, Shawqiy. (1973). *Al-Maqāmah*. Kaherah: Dār al-Ma'ārif.
- Ḍayf, Shawqiy. (2000). *Al-Fann Wa Madhāhibu-hu Fī al-Nathr al-'Arabiy*. Kaherah: Dār al-Ma'ārif.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farūkh, Umar. (1985). *Tārīkh al-Adab al-'Arabiy*. Beirut: Dār al-'Ilm al-Malāyīn.
- Fauzul Hanif Noor Athief. (2019). Sejarah Munculnya Disiplin Ilmu dalam Islam. *Jurnal Islamika: Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman* Volume 19, Desember: 1-15
- Gibson, John. (2009). *Literature And Knowledge*. Oxford : Oxford Handbook of Philosophy and Literature. Oxford University Press.
- Goh Sang Seong. (2012). *Bahasa Cina Bahasa Melayu; Keboleterjemahan Budaya*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Habibul Umam Taqiuddin. (2014). Kedudukan Ilmu Pengetahuan Dalam Al-Qur'an. *El-Hikam: Jurnal Pendidikan dan Kajian Keislaman*. Volume VII, Nomor 1: 1-15
- Ḥasan, Muhammad Rushdi. (1974). *Athar al-Maqāmah Fī Nash'ati al-Qiṣṣah al-Miṣriyyah al-Ḥadithiyyah*. Kaherah: Al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Āmah li al-Kitāb.
- Hitti, Philip Khuri. (2002). *History of The Arabs*. New York: Palgrave Macmillan.
- Ḥusayn, Abdul Qadir. (2001). *Al-Mukhtaṣar Fī al-Tārīkh al-Balāghah*. Kaherah: Dār al-Gharīb Li al-Ṭibā'ah Wa al-Nashr Wa al-Tawzī'.
- Ḥusayn, Naşruddīn Ibrāhīm Aḥmad. (2013). 'Ilmu al-Badī' Wa Balāghatuhu Fī Ḍaw'i al-Quran al-Karīm: Dirāsah Balāghiyah Taḥlīliyyah. *Majallah al-Dirāsāt al-Lughawiyah Wa al-Adabiyah*, 119-141.
- Ḥusayn, Naşruddīn Ibrāhīm Aḥmad. (2005). *Naẓariyyat al-Uslūb al-Adabiy 'Inda al-Imām 'Abd al-Qāhir al-Jurjāniy*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Ḥusīn, Amal. (2017). *Al-Badī' Fī Shi'ri al-Şāhib Ibn Ḥaddād*. Kufah: Universiti Kufah.
- Ibn Durayd, Abu Bakar Muhammad bin al-Ḥasan. (1987). *Jamharat al-Lughah*. sunt. Ramzī Munīr Ba'albakīy. Beirut: Dar al-'Ilm Li al-Malāyīn.
- Ibn Fāris, Abu al-Ḥusayn Aḥmad bin Fāris. (1994). *Mu'jam al-Maqāys Fī al-Lughah*. sunt. Shihāb al-Dīn Abū 'Amru. Beirut: Dār al-Fikr.

- Ibn Iyyās, Muḥammad bin Aḥmad. (1984). *Badā'i' al-Zuhūr fī Waqā'i' al-Duhūr*. Kaheerah: Al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Āmah.
- Ibn Kathīr, Ismā'īl bin Umar. (1999). *Tafsir Ibn Kathīr*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Khaldūn, Abdul Rahman bin Muḥammad. (2004). *Al-Muqaddimah*. sunt. Abdullah Muhammad al-Darwish. Dimashq: Dār Ya'rub.
- Ibn Khallikān, Shamsuddin Aḥmad bin Muḥammad. (1994). *Wafayāt al-A'yān Wa Anbāu Abnāu al-Zamān*. Beirut: Dār al-Ṣādir Li al-Ṭibā'ah Wa al-Nashr.
- Ibn Manzūr, Jamal al-Dīn Muhammad bin Makram. (2003). *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Miskawayh, Abu 'Aliy Ahmad bin Muhammad. (1934). *Tahdhīb al-Akhlāq Wa Taṭhīr al-A'rāq*. Kaheerah: Al-Maṭba'ah al-Miṣriyyah.
- Ibn Mu'taz, Abdullah. (2012). *Al-Badī'*. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah.
- Iman, Bel'arabiy. (2018). *Al-Badī' Fī Maqāmāt al-Ḥarīriy*. Mostaganem: Universiti Abdelhamid bin Badis Mostaganem.
- Iqbal, Ahmad al-Sharqāwiy. (1977). *Maktabah al-Jalāl al-Suyūtiy*. Rabat: Dar al-Maghrib Li al-Ta'līf Wa al-Tarjamah Wa al-Nashr.
- 'Iyyad, Shukriy Muhammad. (1992). *Madkhal Ilā 'Ilm al-Uslūb*. Ghaza: Maktabah al-'Āmah.
- Kamariah Kamaruddin. (2009). Antara Komersialisme Dengan Intelektualisme dalam Novel Getaran Rindu. *Jurnal Pengajian Akademi Pengajian Melayu*, Jilid 20, Desember: 99-118.
- Keraf, Gorys. (2000). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: Gramedia.
- Landau, Jacob M. (1972). *Dirāsāt Fī al-Masrah Wa al-Sīnimā 'Inda al-'Arab*. (M. Ahmad, Trans.) Kaheerah: Al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Āmah Li al-Kitāb.
- Lāshīn, Abdul al-Fattāh. (1980). *Al-Tarākīb al-Nahwiyyah Min al-Wujhati al-Balāghiyah 'Ind 'abd al-Qāhir*. Riyāḍ: Dār al-Marīkh Li al-Nashr.
- Marādi, Muhammad Hadi. (2009). Fann al-Maqāmāt al-Nashah Wa Taṭawwur: Dirāsah Wa Taḥlīl. *Al-Turāth al-Adabiy*, 123-133.
- Merriam, Sharan B. (2009). *Qualitative Research: A Guide To Design And Implementation*. San Francisco: Jossey-Bass A Wiley Imprint.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2017). *Stilistik Dalam Cereka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohamed Sharif Mustaffa dan Roslee ahmad. (2005). Pendekatan Temubual Sebagai Metod Kajian Kes. Suatu Persepsi Di Kalangan Pelajar Perempuan Cemerlang Terhadap Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling. <https://www.academia.edu/1842192>, 3.
- Mubārak, Zakīy. (2009). *Al-Nathar al-Fanniy Fi al-Qarn al-Rabi' al-Hijriy*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad Syukri Salleh. (2008). Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam: Keperluan, Kedudukan dan Hala Tuju. *Pemikir*, Bil. 54 Oktober-Disember. hlm. 133-164. Diterbitkan Semula Dalam Siri Kertas ISDEV No.8.
- Muhammad, 'Abdullah Yūsuf Uthmān. (2017). *Fannu al-Maqāmāt Fī al-Qarnayn al-Sādis Wa al-Sābi' al-Hijriyayn*. Maghribi: Jāmi'ah al-Ribāṭ al-Waṭāniy.
- Muhd Norizam Jamian dan Shaiful Bahri Md Radzi. (2015). Kesusasteraan Melayu Tradisional Sebagai Wadah Komunikasi Massa: Suatu Analisis. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 31 (2): 183-194
- Muḥyī al-Dīn, Azāhir. (2008). *Al-Ilqā' Wa al-Tahrīr al-'Arabiyy*. Riyāḍ: Maktabah al-Rushd.
- Murād, Walid Muhammad. (1983). *Nazariyyatu al-Nazm Wa Qīmatuha al-'Ilmiyyah Fī al-Dirāsāt al-Lughawiyah 'Ind al-Jurjāniyy*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- Murawwah, Muḥammad Redha. (1990). *'Abdullah Ibn al-Mu'taz: Khalīfah Yawma Wa Laylah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Murtād, Abdul Mālik. (1988). *Fan al-Maqāmāt Fī al-Adab al-'Arabiyy*. Tūnis: Al-Dār al-Tūnisiyyah Lil al-Nashr.
- Mustafā, Ibrāhīm et al. (2011). *Al-Mu'jam al-Wasīṭ*. Kaherah: Maktabah al-Shurūq al-Dawliyyah.
- Muḥīr, 'Abbās 'Azīb Abdullah. (2017). *Maqāmāt al-Suyūṭiy: Dirāsah Fī Daw' 'Ilm al-Naṣ*. Iraq: Universiti Muthanna.
- Nāṣif, Hifniy et al. (2008). *Qawa'idu al-Lughah al-'Arabiyyah*. Kaherah: al-Maktabah al-'Adāb.
- Nabilah et al. (2013). Ciri-Ciri Penyelidikan Kualitatif. In Noraini Idris (ed), *Penyelidikan dalam Pendidikan* (pp. 288-314). Kuala Lumpur: Mc Grow Hill Education.
- Nailah bt Abas et al. (2015). Pemikiran Akhlak Dalam Karya Prosa Sastera Arab Jahiliyah. *Journal Al-Muqaddimah*. Volume 3 (3): 13-38

- Noriah Mohd. Ishak et al. (2013). Kajian Kes. In Noraini (ed), *Penyelidikan Dalam Pendidikan Selangor* (pp. 356-379). Selangor: Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Osman Haji Khalid. (1999). *Kesusateraan Arab Zaman Permulaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Lebar. (2012). *Penyelidikan Kualitatif*. Perak: Penerbitan UPSI.
- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Piaw, Chua Yan. (2014). *Kaedah Penyelidikan*. Selangor: Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Peels, Rik. (2020). How Literature Delivers Knowledge and Understanding, Illustrated by Hardy's Tess of the D'Urbervilles and Wharton's Summer. *The British Journal of Aesthetics*, Volume 60, Issue 2, April 2020, Pages 199–222.
- Qabāwah, Fakh al-Dīn. (1994). *Taṣrīf al-Asmā' Wa al-Af'āl*. Beirut: Maktabah al-Ma'ārif.
- Qāsim, Muhammad Ahmad dan Dīb, Muhyiddin. (2003). *'Ulūm al-Balaghah*. Lubnan: al-Muassasah al-Ḥadīthah Li al-Kitāb.
- Qullāsh, Ahmad bin Abdul Qādir. (1995). *Taysīr al-Balāghah*. Jeddah: Al-Saghar.
- Raof, Hussein Abdul. (2006). *Arabic Rhetoric A Pragmatic Analysis*. New York: Routledge.
- Rosni Samah. (2013). *Kaedah Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Arab*. Nilai: USIM.
- Salīm, Muhammad Rizq. (1962). *'Aṣr Salāṭīn al-Mamālīk wa Nitājuhu al-Iilmī wa al-Adabī*. Kaherah: Maktabatu al-Ādāb.
- Ṣabrīnah dan Zaynab, Mujib. (2017). *Al-Qīmah al-Ḥijājiyyah Li al-Badī' Maqāmāt Suyūṭiy Unmūdhajan*. Algeria: Jāmi'ah al-'Arabiy Bin Mahīdī Ummu al-Bawāqiy.
- Shahātah, Abdullah . (2001). *'Ulūm al-Tafsīr*. Kaherah: Dār al-Shurūq.
- Shahir Akram Hassan. (2016). *Pembinaan Kaedah Penyelidikan Islam Berdasarkan Disiplin Disiplin Ilmu Dalam Epistemologi Islam*. Konferensi Internasional Pembangunan Islami (KIPI 3), anjuran bersama PusKAPI, Universitas Jember dan ISDEV, Universiti Sains Malaysia, pada 21-23 September 2016.
- Sheikh Abdullah Muhammad Basmeih. (2013). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

- Siti Hawa Haji Salleh. (2002). *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Sulaiman, Ṭāhir Ḥamūdeh. (1989). *Jalāl ad-Dīn al-Suyūṭiy: 'Aṣrohu Wa Hayātuhu Wa Aāthārohu Wa Juhūduhu Fi al-Dars al-Lughawiy*. Beirut: Al-Maktab Al-Islāmiy.
- Swirski, Peter. (1998). Literature and Literary Knowledge. *The Journal of the Midwest Modern Language Association*, 31(2), 6-23.
- Tabrani, Hannanah Mukhtar. (2013), Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Tamām, Ḥasan. (2007). *Ijtihādāt Lughawwiyyah*. Kaherah: 'Alam al-Kutub.
- Tawfiq, Mahmūd. (2002). *Naẓariyyah al-Naẓm Wa Qirā'ah al-Shi'r 'Inda 'Abd al-Qāhir al-Jurjāniy*. Kaherah: Jāmi'ah al-Azhar.
- Thomas, Robin G dan Gebhart, Susan E. (2002). Nutritive Value of Food. *Home and Garden Bulletin*, 72.
- Umar, Ahmad Mukhtar. (2008). *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'āṣirah*. Kaherah: 'Alam al-Kutub.
- Umar, Ṣaddām Ḥusīn Mahmūd. (2006). *Maqāmāt Badī'u al-Zamān al-Ḥamadhāniy Antara Ṣan'ah Dan Taṣannu'*. Palestin: Universiti al-Najāh al-Waṭaniy.
- Uqaiyyib, Ismail Ammara. (2018). Maqāmāt Jalāl al-Dīn al-Suyūṭiy: Dirāsah Naqdiyyah. *Al-Dirāsāt al-Islāmiyyah*, 150-173.
- Wahbah dan al-Muhandith. (1984). *Mu'jam al-Muṣṭalaḥāt al-'Arabiyyah Fi al-Lughah Wa al-Ādāb*. Beirut: Maktabah Lubnān.
- Wan Azura Wan Ahmad et al. (2017). Uslūb Targhīb (MOTIVASI) Dalam Muamalah Hasanah: Analisis Surah al-Ḍuḥā Daripada Perspektif Psikologi Dan Retorik. *Journal Of Nusantara Studies*, 198-213.
- Windi. (2014). *Daya Hambat Minyak Atsiri Mawar Terhadap Tumbuhan Bakteri*. Makassar: Universitas Hasanuddin.
- Yāghiy, Abdul Rahman. (1985). *Ra'yu Fi al-Maqāmāt*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Yazid Abdul Manap. (2011). *Meneroka Kegemilangan Saintis Islam*. Shah Alam: Grup Buku Karangkrak Sdn. Bhd.
- Zaydān, Jurjiy. (2013). *Tārīkh Adāb Al-Lughah Al-'Arabiyyah*. t.tp: Ktab INC.

Zetty Nurzuliana Rashed et al. (2016). Peranan Al-Quran Sebagai Sumber Ilmu Pengetahuan Dan Hubungannya Dengan Sains. *Proceeding of 5th International Conference on Islamic Education 2016 (ICIEd 2016)*, 5-7 Oktober 2016 bertempat di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak.

Zomorodi, A. (2014). Improvement of Competitiveness: The Case of Iranian Pistachio. *World Journal of Social Sciences*, 37-50.



BIODATA PELAJAR

Mohamad Faisal bin Kamis dilahirkan di Tambun Tulang, Perlis pada 3 September 1976. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tekam Utara (1983-1988). Kemudian beliau meneruskan persekolahan di SMKA Tengku Ampuan Hajjah Afzan Pahang, Jerantut (1989-1991). Setelah memperoleh keputusan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Mohamad Faisal berpeluang melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang (1992-1993).

Bagi mendalami bahasa Arab, Mohamad Faisal telah menyambung pengajiannya pada peringkat ijazah pertama di Universiti Al al-Bayt, Jordan dalam bidang Bahasa dan Kesusasteraan Arab dari tahun 1994 sehingga 1999. Seterusnya, Mohamad Faisal menyambung pengajiannya pada peringkat Diploma Pendidikan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dari tahun 2000 sehingga 2001.

Mohamad Faisal memulakan kerjaya sebagai seorang pendidik di SMK Pengiran Omar, Sipitang pada September 2001. Setelah lapan tahun berkhidmat sebagai seorang pendidik, Mohamad Faisal berpeluang menyambung pengajian pada peringkat sarjana di Universiti Ibn Tofayl, Maghribi pada tahun 2010 dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Linguistik dan Perancangan Bahasa Arab pada tahun 2011. Usai pengajian pada peringkat sarjana, beliau memulakan perkhidmatan sebagai guru bahasa Arab di SMKA Sheikh Haji Mohd Said, Seremban pada tahun 2012 dan seterusnya menjadi Pensyarah Akademik di Jabatan Bahasa Arab, Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam mulai Januari 2013 sehingga kini.

Kajian Ph.D. Mohamad Faisal berjudul *Uslūb Badī'* Berkaitan dengan Disiplin Ilmu dalam *Maqāmāt Imam Al-Suyūṭiy* mencerminkan minat dan kecintaan beliau terhadap ilmu *balāghah* dan kesusasteraan Arab, yang mula diterokainya ketika melanjutkan pengajian pada peringkat Bachelo di Universiti Al al-Bayt, Mafrāq, Jordan. Minat yang mula berputik di Jordan ini akhirnya dinoktahkan dengan keberhasilan penulisan kajian mengenai *Uslūb Badī'* dalam *Maqāmāt Imam Al-Suyūṭiy* menerusi pengajian Ijazah Doktor Falsafah yang ditekuninya di Universiti Putra Malaysia.

SENARAI PENERBITAN

Jurnal

Sahsiah Imam al-Suyūṭiy Berdasarkan Seni Maqāmātnya, Asean Comparative Education Research Journal On Islam And Civilization (ACER-J), Vol. 2, Bil 2 (2018).

Kepelbagaian Tema Dalam Maqāmāt Imam al-Suyūṭiy Berdasarkan Teori Nazm, Jurnal Jauhari, Jilid 1: 47-60 (2019).





UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : Semester Pertama 2020/2021

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

USLŪB BADĪ' BERKAITAN DENGAN DISIPLIN ILMU DALAM MAQĀMĀT IMAM
AL-SUYŪṬIY

NAMA PELAJAR : MOHAMAD FAISAL BIN KAMIS

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]